جباتن ڤڠوروسن بياسيسوا
JABATAN PENGURUSAN BIASISWA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE LUAR NEGERI (UMUM) BAGI SESI AKADEMIK 2027/2028

MAKLUMAT UMUM

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri ialah Biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di luar negara dalam bidang-bidang kursus yang tersenarai di Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 12/2026.

2. Dimanakah boleh mendapatkan Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 12/2026?

- Laman sesawang: www.moe.gov.bn
- Pautan: https://tinyurl.com/Surat-Pemberitahuan-MOE-2027

3. Sesi akademik manakah yang ditawarkan bagi permohonan ini?

Sesi akademik 2027/2028 iaitu bagi kemasukkan pada bulan Ogos / September 2027 atau Januari / Februari 2028.

4. Apakah kandungan utama dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 12/2026?

Surat Pemberitahuan ini mengandungi perkara-perkara berikut:

- Syarat-syarat utama permohonan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri termasuk syarat akademik dan tempat pengajian;
- Tatacara permohonan termasuk dokumen-dokumen yang perlu dihantar;
- Syarat-syarat tambahan;
- Permohonan yang tidak dipertimbangkan; dan
- Senarai kursus yang ditawarkan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

CARA MEMOHON DAN DOKUMEN DIPERLUKAN

5. Bagaimana cara untuk memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem HECAS (pusingan pertama sahaja) di alamat https://hecas.moe.gov.bn.

Selepas membuat permohonan dalam talian, pemohon hendaklah menghadapkan dokumen secara:

- ***hardcopy*** ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter No. 3, Lantai Dasar, Blok C, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan
- ***softcopy*** melalui emel ke applyscholarship@moe.gov.bn.

6. Apakah dokumen yang perlu disertakan semasa permohonan?

Berikut adalah dokumen yang perlu dihantar secara *hardcopy* dan *softcopy* secara berasingan seperti berikut:

- Senarai semak permohonan Biasiswa (boleh diperolehi dari sistem HECAS).
- Salinan borang HECAS (1 keping).
- Salinan kad pengenalan.
- Borang B (3 keping).
- Borang deklarasi maklumat Biasiswa.
- Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (*certified true copies*) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah.
- Salinan surat tawaran tempat pengajian (*Conditional / Unconditional Offer*) - Jika belum menerima tawaran, pengesahan membuat permohonan ke tempat pengajian adalah memadai.
- Isi kandungan kursus (*course content / structure*).
- Tangkap layar ringkasan permohonan UCAS (Universiti UK yang dipohon) (Jika berkenaan).
- Surat pengiktirafan kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam.
- Surat pengiktirafan kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam (bagi pemohon yang memperolehi surat tawaran tempat pengajian (*offer letter*)).

7. Bilakah tarikh buka dan tutup permohonan?

Tarikh pembukaan dan tutup permohonan akan dimaklumkan melalui:

- Media massa.
- Instagram rasmi Kementerian Pendidikan (@MOE_brunei).
- Instagram rasmi Jabatan Pengurusan Biasiswa (@scholarship.moe.bn).
- Laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn.

Permohonan yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup (lewat) **tidak akan dipertimbangkan**.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

SYARAT KELAYAKAN

8. Bolehkah saya memohon Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri bagi peringkat Ijazah Sarjana (*Master's*), Ikhtisas (*Professional*) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)?

Tidak. Bagi sesi 2027/2028, hanya peringkat **Ijazah Sarjana Muda** ditawarkan.

9. Bolehkah saya memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri jika umur sudah melebihi 26 tahun?

Tidak. Umur **tidak melebihi 26 tahun 0 bulan 0 hari pada 01 September (tahun permohonan).**

10. Bolehkah saya memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri jika memperoleh gred D bagi salah satu mata pelajaran A level?

Tidak. Syarat kelayakan akademik adalah seperti berikut:

- **Kursus umum:** Setiap mata pelajaran hendaklah tidak kurang daripada Gred C.
- **Kursus perubatan (*medicine*) / pergigian (*dentistry*):** Setiap mata pelajaran hendaklah tidak kurang daripada Gred A.

11. Bolehkah saya menggabungkan keputusan A Level dari peperiksaan Jun dan November?

Tidak. Hanya satu set keputusan sahaja (sekali duduk) yang mengandungi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik yang memenuhi syarat akademik akan diterima.

12. Adakah ada had tempoh bagi keputusan peperiksaan yang diperoleh?

Ya. Hanya keputusan yang diperoleh dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan akan dipertimbangkan. Contohnya: Bagi sesi akademik 2027/2028, hanya keputusan A Level / *International Baccalaureate* (IB) / *Higher National Diploma* (HND) dari September 2025 sehingga August 2027 sahaja yang diterima.

13. Bolehkah saya memohon menggunakan keputusan pemarkahan semula (*re-mark*)?

Pemarkahan semula (*re-mark*) setelah keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan **tidak akan dipertimbangkan** bagi pemohon yang memohon menggunakan keputusan ramalan (*predicted results*).

14. Bolehkah pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda (dalam atau luar negeri) memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri untuk tahun pengajian seterusnya?

Tidak. Biasiswa ini hanya ditawarkan kepada pelajar yang **belum** mengikuti sebarang pengajian di institusi pengajian tinggi.

15. Bolehkah saya memohon lebih dari satu kursus?

Tidak. Pemohon hanya dibenarkan memohon **satu (1) kursus sahaja**.

16. Bolehkah memohon lebih dari satu institusi atau universiti?

Boleh, selagi ianya adalah untuk kursus yang sama.

17. Bolehkah pemohon menukar kursus selepas menghantar borang permohonan?

Penukaran kursus hanya dibenarkan sepanjang tempoh permohonan masih dibukakan sahaja. Selepas tempoh permohonan ditutup, penukaran kursus **tidak dibenarkan**.

18. Adakah semua pemohon akan dipanggil temuduga *Multiple Mini Interview* (MMI)?

Tidak. Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga MMI. Sebelum temuduga tersebut dijalankan, pemohon yang disenarai pendek akan menghadiri satu taklimat mengenai proses temuduga dan pemilihan.

19. Apakah proses pemilihan bagi mendapatkan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Pemohon yang memenuhi syarat dan dimestikan lulus bagi setiap proses yang dijalankan seperti berikut:

- Permohonan Biasiswa **Umum**: MMI dan *Scholarship Leadership Assessment* (SLA).
- Permohonan Biasiswa **Skim Pendidik:** MMI, SLA dan penilaian *Psychometric test* dan *Teaching Demo*.

KURSUS YANG TIDAK TERSENARAI

20. Bolehkah memohon kursus yang tidak tersenarai?

Boleh jika mendapat tawaran tempat pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia secara keseluruhan (*Top 20 World Universities*) mengikut *QS World University Rankings* 2027 atau *Times Higher Education World University Rankings* 2027. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut akan dipertimbangan secara *case by case*.

21. Bolehkah memohon kursus yang serupa tetapi nama kursus berbeza?

Boleh dipertimbangkan secara *case by case* jika kandungan kursus (*course content/structure*) adalah serupa tertakluk kepada sokongan Jabatan / Kementerian (*stakeholder*) yang memerlukan kursus tersebut. Namun **keutamaan tetap diberikan kepada kursus yang mempunyai nama yang sama seperti yang disenaraikan dalam Surat Pemberitahuan, Kementerian Pendidikan.**

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

SITUASI PEMOHON

22. Saya belum menerima surat tawaran (*offer letter*) universiti. Bolehkah saya masih memohon?

Ya, permohonan masih diterima. Pemohon boleh menghadapkan bukti permohonan sementara seperti salinan permohanan UCAS (bagi yang memohon ke United Kingdom), emel pengesahan permohonan ke institusi atau dokumen sokongan lain yang bersesuaian.

23. Saya belum menerima keputusan rasmi (*official result*) A Level / *International Baccalaureate* (IB) / *Higher National Diploma* (HND) semasa tempoh permohonan. Adakah saya masih layak?

Ya. Pemohon boleh menghadapkan **keputusan ramalan (*predicted result*)** yang diperolehi daripada sekolah atau institusi masing-masing. Keputusan permohonan biasiswa adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang perlu dihantar ke Jabatan Pengurusan Biasiswa sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.

PEMOHON YANG TIDAK LAYAK

24. Bolehkah pemohon yang sedang berkerja (Kerajaan atau Swasta) memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Tidak. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan (jawatan tetap, percubaan, *open vote* atau gaji hari – rujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 bertarikh 6 September 1988 dan bilangan 10/2006 bertarikh 26 April 2006) atau syarikat swasta yang *established* **tidak akan dipertimbangkan**.

25. Bolehkah calon yang sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan di bawah Biasiswa Kerajaan Dalam Negeri memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri di peringkat yang sama?

Tidak. Permohonan sedemikian **tidak akan dipertimbangkan**.

SENARAI KURSUS DAN UNIVERSITI DIBENARKAN

26. Dimanakah institusi / universiti yang dibenarkan bagi kursus-kursus yang tersenarai seperti di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 12/2026?

Berikut adalah **contoh** institusi / universiti yang menawarkan kursus tersenarai. Senarai ini **tidak terhad** kepada institusi / universiti yang dinyatakan – institusi lain yang menawarkan kursus sama juga boleh dipertimbangkan.

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
1	BSc Medical and Surgery (MBBS)	• Universiti *Top 250* seperti di Trinity College Dublin, Ireland (QS75), University of Southampton, UK (QS111). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
2	BSc Dental Surgery	• Universiti *Top 250* seperti di Newcastle University, UK (QS149), University of Glasgow, UK (QS80). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
3	BSc in Forensic Science	• Bachelor of Forensic Science with Honours - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia (QS130) • BSc in Forensic Science - Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia (QS128)
4	Bachelor of Special Education (Deaf Studies) / Bachelor of Education (Teaching Deaf and Hard of Hearing)	• BEd (Hons) Special Education - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia (QS130) • BEd (Hons) Special Education - Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia (QS128) • BS Special Education — Deaf and Hard of Hearing - University of Utah, USA (THEWU242) • BSc Prevention, Inclusion and Rehabilitation in Hearing Impairment - Ludwig-Maximilians-Universität München (LMU Munich) - Germany (QS61)
5	Bachelor of Science (Hons) in Speech and Language Therapy	• Universiti *Top 250* seperti di University of Sheffield, UK (QS82) / Adelaide University, Australia (QS79). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
6	BSc (Hons) Occupational Therapy	• Universiti *Top 250* seperti di University of Liverpool, UK (QS147), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia (QS126). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
7	Bachelor of Nutrition and Dietetics (Hons) / BSc (Hons) Nutrition & Dietetics / Bachelor of Dietetics (Hons)	• Universiti *Top 250* seperti di Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia (QS138) / Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia (QS128). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
8	Bachelor of Podiatry / Bachelor of Podiatry Medicine / Bachelor of Podiatry (Hons)	• Universiti *Top 250* seperti di University of Southampton, UK (QS111). • Bachelor of Podiatry Medicine - The University of Newcastle, Aus (QS244). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
9	BSc (Hons) Cardiac Physiology / BSc Healthcare Science (Cardiac Physiology)	• BSc Cardiac Physiology (Healthcare Science) - University of Southampton, UK (QS111) • BSc (Hons) Health Science (Cardiac Physiology) – University of Leeds, UK (QS86) / University of Southampton, UK (QS87)
10	(Medical Social Work) BA (Hons) Social Work / BSc (Hons) Social Work / Bachelor of Social Work / Bachelor of Social Sciences in Social Work with Honours	• Universiti *Top 250* seperti di University of Birmingham, UK (QS68) / Lancaster University, UK (QS164) / University of Leeds, UK (QS77). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
11	BSc (Hons) Paramedic Science / Bachelor of Paramedicine / Bachelor of Paramedic Practice (Hons)	• Bachelor of Paramedicine – Monash University, Australia (QS36) • Bachelor of Science (Paramedicine) - Curtin University, Australia (QS183) • Bachelor of Paramedicine Science – QUT, Australia (QS226)
12	BSc (Hons) Entomology and Parasitology	• Bachelor of Applied Science in Entomology and Parasitology with Honours – Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia (QS134)
13	BSc (Hons) Environmental Health	• The Bachelor of Environmental Health (Honours) - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia (QS126)
14	BSc (Hons) Safety, Health and Environmental Management / BSc (Hons) Occupational Safety, Health	• Bachelor of Science (Health, Safety and Environment) - Curtin University, Australia (QS183)

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
	and Environment / BSc (Hons) Occupational Health and safety	
15	BSc (Hons) Audiology / BSc (Hons) Healthcare Science (Audiology) / Bachelor of Audiology with Honours	• BSc (Hons) Audiology – University of Leeds, UK (QS77) • BSc Healthcare Science (Audiology) - UCL, UK (QS8) • Bachelor of Audiology with honours – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia (QS130) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
16	BSc (Hons) Orthoptics / BMedSci Orthoptics / BSc (Hons) Orthoptics / Bachelor of Orthoptics (Hons)	• BSc (Hons) Orthoptics - University of Liverpool, UK (QS139) • BMedSci Orthoptics - University of Sheffield, UK (QS82) • Bachelor of Orthoptics (Hons) - La Trobe University, AUS (QS241) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
17	BSc in Diagnostic Radiography (Hons)/ BSc in Medical Imaging (Hons) (Diagnostic Radiography) / BSc (Medical Imaging Science) / BSc (Medical Radiation Science) / Bachelor of Medical Imaging (Hons) / Bachelor of Medical Radiation Science (Hons) (Diagnostic Radiography) / Bachelor of Radiography and Medical (Hons)	• Bachelor of Applied Science (Diagnostic Radiography) - The University of Sydney, AUS (QS18) • BSc Diagnostic Radiography – University of Leicester, UK (QS209) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
18	BSc (Hons) Orthotics / BSc (Hons) Physical Therapy	• BSc (Hons) Physiotherapy – University of Liverpool, UK (QS139) / Cardiff University, UK (QS179) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
19	BSc / BA in Forensic Accounting / BSc in Forensic Audit and Accounting	• BSc (Hons) Accountancy and Finance (Forensic Accounting) - Southampton Solent University, UK • Bachelor of Accounting and Finance (Honours) with a specialism in Forensic Accounting - Asia Pacific University (APU), Malaysia

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
		(Bidang kursus tidak ditawarkan di Top 250)
20	BA / BSc Criminology and Policing Programs / BA Sociology and Criminology	• BA (Hons) Sociology and Criminology, University of Birmingham, UK (QS68) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
21	BA Counselling / BA Social Work	• Bachelor of Counselling - Universiti Malaya, Malaysia (QS56) • BA Social Work – University of Birmingham, UK (QS68) / Lancaster University, UK (QS164) / University of Leeds, UK (QS77) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
22	Bachelor of Psychological Sciences (Honours) / Bachelor of Psychology (Honours) / Bachelor of Science (Honours) in Psychology / Bachelor of Social Sciences with Honours (Psychology)	• Universiti *Top 250* seperti di UCL, UK (QS8) / University of Reading, UK (QS196). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
23	BSc Animal Science	• University of Nottingham, UK (QS97) / Newcastle University, UK (QS149)
24	Bachelor of Learning Design and Technology	• Monash University, AUS (QS31)
25	LLB - Bachelor in Law	• Universiti *Top 250* seperti di University of Bristol, UK (QS57) / University of Leicester, UK (THEWU209). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
26	BEng (Hons) in Renewable Energy / BEng (Hons) in Renewable Energy Engineering / BSc (Hons) in New Energy Science and Engineering	• BEng Renewable Energy Engineering - University of Exeter, UK (QS136) • Bachelor of Engineering (Honours) in Renewable Energy Engineering - UNSW Sydney, AUS (QS19) Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
27	BA Cultural Heritage Management	• Lincoln, UK – BA (Hons) Conservation of Cultural Heritage **(Bidang khusus tidak ditawarkan di Top 250)**
28	BEng Geospatial Engineering / BEng (Hons) Geospatial Engineering / BEng (Hons) Surveying /	• Bachelor of Engineering (Honours) (Surveying) - UNSW Sydney, AUS (QS19)

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
	Bachelor of Geomatics Engineering with Hons / BSc in Surveying / BSc in Geospatial Intelligence / BA in Geographic Information Science Emphasis / BA (Hons) in Geographic Information Science	• Bachelor of Geomatics Engineering with Honours - Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia (QS158) • BA in Geography with a Geographic Information Science (GIScience) Emphasis - University of California, Santa Barbara (UCSB), USA (QS173)
29	BSc (Hons) Agriculture **[SKIM PENDIDIK]**	• Universiti *Top 250* seperti di University of Reading, UK (QS196), Newcastle University, UK (QS149). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
30	BSc (Hons) Architectural Design Technology / BSc (Hons) Architectural Design and Technology / BSc (Hons) Product Design and Technology **[SKIM PENDIDIK]**	• BSc Architectural Design Technology - University of Wolverhampton, UK / University of West London, UK / University of East London, UK • BSc Architectural Design and Technology - Cardiff Metropolitan University, UK / Buckinghamshire New University, UK **(Bidang khusus tidak ditawarkan di Top 250)** • BSc (Hons) Product Design and Technology – Loughborough University, UK (QS203)
31	BSc (Hons) Food Science and Nutrition / BSc (Hons) Nutrition and Food Science / Bachelor of Nutrition Science **[SKIM PENDIDIK]**	• Universiti *Top 250* seperti di University of Leeds, UK (QS77) / University of Reading, UK (QS196). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan

27. Dimanakah saya boleh menghubungi untuk maklumat lanjut?

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan:



+673 2 380019



+673 2 380019



Scholarship.moe.bn



www.moe.gov.bn



Kaunter 3,
Pusat Perkhidmatan Setempat,
Blok C, Lantai Dasar,
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan,
Jalan Airport Lama Berakas, BB3510



Tingkat 5, Blok C
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama Berakas,
BB3510

***

Disediakan oleh
Jabatan Pengurusan Biasiswa
Kementerian Pendidikan
November 2026